

# MARHABAN MENYATUKAN MASYARAKAT



**Benarlah** kata pendapat bahawa adat dan budaya sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan tempat masyarakat yang mengamalkan budaya itu. Budaya Melayu mengamalkan adat bersendikan agama. Hal ini bermaksud amalan adat itu masih selari dengan amalan agama. Biarpun adat budaya berubah-ubah dan berkembang, namun agama tetap utuh menjadi panduan utama amalan budaya itu.

Bangsa Melayu daripada pelbagai etnik kaya dengan adat dan budaya. Budaya amalan menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri misalnya, disambut oleh masyarakat Melayu dengan meriah. Namun begitu, terdapat perbezaan amalan perayaan itu antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Amalan itu sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa, kesan pengaruh luar dan perubahan masyarakat semasa.


Perayaan Hari Raya Aidilfitri secara lumrah, disambut oleh seluruh umat Islam bermula dari waktu Maghrib tanggal 1 Syawal, hingga pagi berikutnya selepas selesai solat sunat berjemaah dan mendengar khutbah hari raya. Umat Islam menyambutnya dengan bertakbir dan bertahmid, serta melunaskan zakat fitrah. Amalan bertakbir dan bertahmid bukan sahaja dapat dilakukan di masjid atau surau, malah berupaya melakukannya di rumah secara sendiri. Terdapat juga beberapa tempat yang mengundang rakan-rakan melakukan takbir dan tahmid di rumah mereka selepas solat Isyak. Selain takbir dan tahmid, amalan berkaitan dengan perayaan itu, sama ada sebelum dan selepas, kebanyakannya merupakan adat dan budaya.

Marhaban merupakan aktiviti masyarakat Melayu pengaruh daripada masyarakat Jawa yang dibudayakan untuk memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Marhaban bermaksud berkunjung beramai-ramai dari rumah ke rumah pada Hari Raya Aidilfitri untuk berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan lagu puji-pujian kepada Nabi Muhammad SAW yang dipetik daripada kitab berzanji.

Amalan ini berkembang di sebelah barat Semenanjung Malaysia, terutama di Johor, Selangor, dan Perak. Amalan marhaban pada hari ini telah berubah berbanding dengan masa lalu. Namun begitu, penghayatan amalan ini masih dapat memberikan kesan terhadap kemeriahan perayaan dan dapat mengeratkan silaturahim antara keluarga dan mengutuhkan perhubungan dalam kemasyarakatan.

Pada era 60-an dan 70-an, sesuatu kumpulan marhaban ditubuhkan oleh masyarakat kampung pada bulan Ramadan sebelum menjelang bulan Syawal. Secara kebiasaannya kumpulan itu dibentuk oleh anak muda dengan dibimbing oleh seorang ketua. Setiap kumpulan itu mempunyai ahli antara 20 hingga 30 orang sahaja. Setiap kampung ada kumpulan marhaban lelaki dan kumpulan marhaban wanita yang tersendiri.

Sepanjang bulan Ramadan, kumpulan ini berlatih untuk bermarhaban dengan lagu nazam selawat dan berzanji. Mereka juga mengambil inisiatif untuk membawa marhaban dengan lagu popular pada



Kumpulan marhaban membacakan doa kesyukuran di rumah yang dikunjungi oleh mereka.

Marhaban merupakan aktiviti masyarakat Melayu pengaruh daripada masyarakat Jawa yang dibudayakan untuk memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Marhaban bermaksud berkunjung beramai-ramai dari rumah ke rumah pada Hari Raya Aidilfitri untuk berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan lagu puji-pujian kepada Nabi Muhammad SAW yang dipetik daripada kitab berzanji.

masa itu, seperti *Trek-tek-tek*, *Binti Salbiah*, *Bulan dan Bintang*, serta lagu Hindustan. Dalam latihan itu, mereka juga diberikan taklimat tentang adab sopan ketika berziarah, melatih mereka yang berbakat untuk berucap, membaca doa, dan berzanji. Mereka juga menetapkan warna baju Melayu sedondon yang akan dipakai pada hari ketiga perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Sambutan hari raya di kampung kebiasaannya diraikan pada hari pertama dan kedua. Kumpulan ini akan bergerak

ke rumah-rumah penduduk kampung sambil berselawat dan bermarhaban dari pagi hingga petang. Kumpulan ini hanya berehat pada waktu tengah hari untuk sembahyang Zuhur, dan petang pada waktu Asar. Selepas berselawat dan bermarhaban, ketua kumpulan akan memberikan ucapan dan memohon maaf kepada tuan rumah serta membaca doa kesyukuran. Mereka dihidangkan dengan pelbagai juadah, seperti kuih-muih, kerepak, dodol, baulu dan sebagainya. Selain itu, makanan tradisional, seperti pecal, ketupat dan lodeh turut dihidangkan di rumah-rumah tertentu yang berhajat.

Hari raya ketiga dianggap sebagai hari kemuncak. Kumpulan marhaban ini akan berkunjung ke rumah tokoh tertentu, seperti guru, penghulu dan orang besar, melalui temu janji. Selain selawat dan marhaban, mereka berzanji di rumah tokoh tersebut untuk memeriahkan suasana. Pada hari ketiga inilah mereka berpakaian baju Melayu sedondon yang dipersetujui oleh setiap ahli kumpulan. Pada hari terakhir, mereka akan ke kedai gambar untuk sesi mengambil gambar kumpulan mereka. Gambar ini dijadikan sebagai kenangan persahabatan kumpulan marhaban mereka.

Bagi individu yang tidak dapat menyertai kumpulan barakan disebabkan oleh bilangan ahli yang terhad, mereka berusaha menubuhkan kumpulan sendiri yang terdiri daripada tiga hingga lima orang ahli. Mereka bergerak dan menziarahi rumah ke rumah di seluruh kampung dari pagi hingga petang pada hari raya pertama dan kedua dengan berpakaian baju Melayu. Di setiap rumah, mereka dihidangkan dengan kuih raya dan minuman dan mereka akan berbual-bual dengan keluarga. Oleh hal yang demikian, seluruh tuan rumah

penduduk kampung saling mengenali antara satu sama lain. Kunjungan itu diakhiri dengan bersalaman dan memohon maaf kepada tuan rumah.

Aktiviti marhaban dan beraya dilakukan dalam tempoh dua atau tiga hari sahaja. Hal ini kerana sesetengah penduduk kampung sudah kembali bekerja di kebun pada hari raya keempat atau kelima. Sesetengahnya pula mereka meninggalkan rumah untuk berziarah ke rumah saudara-mara yang jauh. Bagi penduduk pinggir bandar, mereka makan angin di bandar atau menonton wayang. Ada sesetengah rumah yang tiada kemudahan elektrik, mereka hanya menggunakan gasoline untuk menerangi rumah. Oleh sebab itu, aktiviti barakan hanya dilakukan pada waktu siang.

Pada era 80-an dan 90-an, amalan marhaban pada hari raya mengalami sedikit perubahan. Anak-anak muda tidak lagi membentuk kumpulan marhaban dan berlatih sebelum hari raya. Hal ini dikatakan demikian kerana kesuntukan masa, seperti bersekolah atau bekerja, dan tiada ketua yang mengambil inisiatif untuk mengadakan latihan.

Kumpulan dibentuk atas inisiatif ahli kumpulan marhaban tahun-tahun sebelumnya. Mereka menyampaikan rancangan untuk menubuhkan kumpulan marhaban dari mulut ke mulut untuk berkumpul pada hari raya pertama selepas solat sunat Aidilfitri. Keahlian kumpulan tidak terhad bilangannya dan pakaian baju Melayu bebas warnanya. Mereka



Amalan berzanji dalam marhaban.

mengadakan aktiviti itu pada pagi dan petang hari raya pertama dan kedua. Kumpulan ini bergerak ke rumah tertentu sahaja yang bersedia untuk menerima kunjungan mereka.

Pada masa tersebut, tempoh aktiviti barakan dan marhaban dilanjutkan hingga dua atau tiga minggu, terutamanya kumpulan marhaban dewasa. Kebanyakan rumah sudah mempunyai kemudahan elektrik dan sentiasa bersedia menerima kunjungan kumpulan itu pada waktu malam. Kumpulan ini hanya berkunjung ke rumah yang membuat undangan atau temu janji. Mereka diberikan hidangan makanan berat, seperti nasi atau mi, di samping kuih hari raya yang masih bertahan lama.

Pada era 2000 hingga sekarang, kumpulan marhaban pada sambutan Hari Raya Aidilfitri sudah tiada lagi, kecuali di kampung-kampung tradisi. Amalan beraya bersama-sama ahli keluarga dan pulang ke kampung halaman semakin mengisi ruang waktu hari raya pertama dan kedua. Kumpulan ini hanya memulakan amalan marhaban setelah pulang dari kampung masing-masing, kebiasaannya seminggu selepas hari raya pertama. Kumpulan marhaban ini dibentuk oleh kumpulan dewasa dan bergerak pada waktu malam. Hal ini disebabkan oleh mereka sudah mula bekerja pada waktu siang. Pakaian mereka bebas dan tidak terikat dengan pakaian tradisional baju Melayu. Secara kebiasaannya, mereka bergerak ke rumah yang telah membuat temu janji atau rumah para ahli kumpulan mereka sahaja.

Pada masa ini, keahlian kumpulan marhaban amat berbeza berbanding dahulu. Dahulu, setiap kumpulan perlu mempunyai seorang ahli sahaja daripada setiap keluarga, tetapi kini tidak terhad. Dahulu, kumpulan lelaki bergerak secara berasingan dengan perempuan, iaitu kumpulan perempuan bergerak pada waktu siang dan lelaki bergerak pada waktu malam. Kini, di sesetengah tempat, terdapat satu keluarga yang terdiri daripada lelaki dan perempuan bersama-sama menjadi ahli kumpulan marhaban.

Kumpulan marhaban pada masa ini hanya menziarahi empat atau lima buah rumah pada satu malam. Secara kebiasaannya makanan yang dihidangkan agak berat, seperti mi atau nasi, ketupat dan sate. Sesetengah makanan yang dihidangkan ditempah daripada tukang masak. Kuih raya tradisi hanya menjadi hidangan sampingan. Untuk mengelakkan pembaziran makanan, di sesetengah kawasan perumahan, para penduduk mengambil inisiatif untuk meletakkan hidangan makanan di satu tempat, iaitu di rumah terakhir. Hal ini dapat

Pada era 2000 hingga sekarang, kumpulan marhaban pada sambutan Hari Raya Aidilfitri sudah tiada lagi, kecuali di kampung-kampung tradisi.



Kumpulan marhaban wanita.

menjimatkan masa kunjungan ke setiap rumah dan tidak berlaku pembaziran makanan. Oleh sebab bilangan rumah yang dikunjungi pada waktu malam sangat terhad, amalan marhaban ini kebiasaannya diadakan hingga akhir bulan Syawal.

Sesungguhnya, budaya berselawat dan marhaban dapat memeriahkan suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri. Kunjungan secara bermarhaban dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat. Pada masa inilah, mereka dapat berkunjung ke rumah rakan dan jiran, yang jarang dapat dilakukan pada hari biasa disebabkan oleh kekangan masa. Di samping itu, amalan saling memohon maaf amat digalakkan dalam agama dan penting dalam pergaulan masyarakat. Diharapkan amalan ini dapat menjadi pencetus untuk kita saling meminta dan memberi maaf kepada sesiapa sahaja pada setiap masa.

Kunjungan ke rumah rakan dengan berselawat ke atas Rasulullah SAW merupakan ibadah. Manakala tuan rumah menerima tetamu dan memberikan hidangan makanan merupakan sedekah. Bahkan, ada sesetengah tuan rumah memberi duit raya kepada kanak-kanak sebagai sedekah, merupakan amalan yang dituntut oleh agama. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa budaya berselawat dan marhaban sempena perayaan hari raya selari dengan ajaran agama. Walaupun amalan ini mengalami beberapa perubahan dari semasa ke semasa, tetapi amalan marhaban ini tetap dapat menyatukan setiap golongan masyarakat, termasuklah kanak-kanak, remaja, dan dewasa, untuk saling menghormati dan menyayangi antara satu sama lain.